

Newspaper	Berita Harian
Date	11 December 2015

Teguran demi kebaikan, bukan lawan presiden

Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan UMNO berjaya meletak negara pada satu pencapaian yang boleh dibanggakan sepanjang kewujudannya.

Katanya, kejayaan itu dicapai kerana usaha dan perancangan terperinci parti bagi menjamin kejayaan parti, selain mengangakat taraf hidup rakyat.

"Saya setuju UMNO berjaya memajukan negara ini sehingga ada doktor yang menjadi pakar. Itu UMNO, bukan pemimpin UMNO.

"UMNO berjaya, tapi janganlah ambil kredit atas kejayaan UMNO itu seolah-olah itu kejayaan kita sendiri. Saya pun tidak pernah ambii kredit," katanya, semalam.

Sementara itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, beliau tidak berniat untuk merebut jawatan sebagai Presiden UMNO



Mahathir Mohamad

Muhyiddin Yassin

Mohd Shafie Apdal

dan Perdana Menteri seperti dakwaan sesetengah pihak.

Sebaiknya, Timbalan Presiden UMNO itu berkata, tegurannya terhadap pelbagai isu demi-kebaikan UMNO dan masa depan rakyat.

Muhyiddin mendakwa beliau menegur kerana melihat banyak

salah laku dalam pentadbiran kerajaan.

Jadikan teguran iktibar

"Ini bukan pasai nak lawan presiden tetapi teguran saya adalah kerana ada salah laku dalam pentadbiran kerajaan dan demi kebaikan partikatanya.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, pula berkata peringatan dan teguran Datuk Seri Najib Razak dalam ucapan dasar Perhimpunan Agung UMNO 2015 perlu dijadikan iktibar untuk memperkasakan parti dan kerajaan.

Katanya, walau apa juga ma-

salah yang timbul, ahli parti perlu mempertahankan kerajaan sedia ada.

"Banyak cara dan pendekatan yang perlu dilaksanakan dan ditatapi, banyak isu yang perlu diselesaikan, yang perlu dijelaskan, sebab itu kita (ahli) bagi pandangan.

"Saya tegaskan, apa yang penting ialah kerajaan dan UMNO perlu kita perkasakan. Peringatan yang diberi presiden perlulah diambil iktibar sebagai ahli UMNO supaya kekuatan parti dipertahankan dan diperkasakan," katanya mengulas ucapan dasar Presiden UMNO.

Beliau berkata, penjelasan Najib berhubung tugas timbalan presiden dan naib presiden juga diterima baik kerana itu adalah pandangan presiden parti.